



**TATACARA PENGURUSAN PELAKSANAAN PEMBERIAN INSENTIF  
KEPADA PEMINJAM PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN  
KEMAHIRAN YANG MENERIMA PINGAT DALAM PERTANDINGAN  
KEMAHIRAN PERINGKAT ASIA TENGGARA/ ANTARABANGSA**

**PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

# Tatacara Pengurusan Pelaksanaan Pemberian Insentif Kepada Peminjam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Yang Menerima Pingat Dalam Pertandingan Kemahiran Peringkat Asia Tenggara/ Antarabangsa

---

## 1. OBJEKTIF

- 1.1 Tatacara ini disediakan bertujuan untuk memberikan panduan kepada pegawai Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) berhubung dengan pelaksanaan **pemberian insentif kepada peminjam PTPK yang menerima pingat dalam pertandingan kemahiran sama ada di peringkat Asia Tenggara (ASEAN Skills Competition) [ASC] atau peringkat dunia (World Skills Competition) [WSC].**
- 1.2 Pelaksanaan pemberian insentif ini dan pengurusan bajet dijangka akan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang.
- 1.3 Pemberian insentif kepada penerima-penerima pingat di peringkat ASC dijangka akan dapat mendorong semangat peserta/ peminjam PTPK untuk melakukan yang terbaik semasa pertandingan di peringkat WSC.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah PTPK Bilangan 3 Tahun 2014 yang bersidang pada 29 Disember 2014 telah bersetuju memberikan geran/ biasiswa kepada peminjam PTPK sama ada untuk pengajian/ latihan kemahiran yang sedang/ sudah diikuti dan menjadi pemenang pingat emas dalam ASC. Antara penajaan yang telah diluluskan seperti yang berikut:
  - i. Geran/ biasiswa kepada pemenang **pingat emas sahaja** dalam pertandingan **ASC**; dan
  - ii. Geran/ biasiswa kepada pemenang pingat **emas, perak dan gangsa** dalam pertandingan **WSC**.
- 2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah PTPK Bilangan 1 Tahun 2016 juga telah bersetuju meluluskan cadangan penambahbaikan dalam pemberian insentif ini iaitu bersetuju agar insentif ini turut diberikan kepada peminjam PTPK yang merupakan penerima pingat *Medallion For Excellent* di peringkat WSC pada tahun 2015 berbentuk 50% rebat terhadap jumlah pinjaman.
- 2.3 Jawatankuasa Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Latihan Kemahiran (JKBB), PTPK dalam Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2017 yang bersidang pada 6 Disember 2017 telah mencadangkan agar:
  - i. **satu dana/ peruntukan disediakan secara tahunan** bagi melaksanakan insentif ini agar pelaksanaan insentif ini menjadi lebih teratur/ terancang.

- ii. Pemenang pingat **perak dan gangsa di peringkat ASC juga turut menerima insentif ini.**
- 2.4 Cadangan pemberian insentif ini juga turut mengambil kira keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah PTPK Bilangan 3 Tahun 2014 dan Bilangan 1 Tahun 2016 yang bersetuju memberikan insentif kepada penerima pingat yang telah **mengharumkan nama negara Malaysia** di peringkat Asia Tenggara mahu pun di persada dunia.
- 2.5 Mesyuarat JKBB, PTPK Bilangan 2 Tahun 2018 **pada 14 Mei 2018 bersetuju untuk memperuntukkan dana sebanyak RM200,000.00 dalam bajet tahunan** bagi melaksanakan pemberian insentif ini. JKBB, PTPK dalam Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2023 pada 24 Oktober 2023 pula bersetuju supaya insentif ini diteruskan pelaksanaannya dan disediakan panduan/ tatacara bagi pelaksanaan inisiatif ini.

### 3. POLISI PEMBERIAN INSENTIF

- 3.1 Mesyuarat JKBB, PTPK Bilangan 2 Tahun 2023 **pada 14 Disember 2023 bersetuju menetapkan polisi pemberian insentif seperti yang berikut:**
- i. Peruntukan tahunan masing-masing **sebanyak RM200,000.00 setahun** bagi pertandingan ASC dan WSC yang diadakan secara bergilir-gilir setiap tahun.
  - ii. Sekiranya nilai insentif melebihi siling peruntukan, kadar sama rata (*prorate*) akan dibuat.
  - iii. Selain pingat emas, pemenang pingat **perak, gangsa dan Medallion for Excellent juga turut menerima insentif** daripada PTPK.
  - iv. Setiap pingat yang dimenangi oleh peminjam PTPK diberi nilai insentif seperti yang berikut:
    - a. Pemenang pingat emas di pertandingan ASC akan menerima insentif **sebanyak RM5,000.00**, pingat perak sebanyak **RM3,000.00**, pingat gangsa sebanyak **RM2,000.00** dan *Medallion For Excellent* sebanyak **RM500.00**; dan
    - b. Pemenang pingat di pertandingan WSC akan menerima insentif sebanyak **RM20,000.00** bagi pemenang pingat emas, pemenang pingat perak sebanyak **RM15,000.00**, pemenang pingat gangsa sebanyak **RM7,000.00** dan penerima *Medallion For Excellent* akan menerima insentif sebanyak **RM1,000.00**.

## Ringkasan Insentif Mengikut Peringkat Pertandingan Dan Pingat Yang Dimenangi

Bil.	Peringkat pertandingan	Pingat yang dimenangi	Insentif yang diberi
1	ASC	Emas	RM5,000.00
2		Perak	RM3,000.00
3		Gangsa	RM2,000.00
4		<i>Medallion For Excellent</i>	RM500.00
1	WSC	Emas	RM20,000.00
2		Perak	RM15,000.00
3		Gangsa	RM7,000.00
4		<i>Medallion For Excellent</i>	RM1,000.00

- v. Tiada insentif diberikan kepada penerima *Best of Nation*.
- vi. Insentif yang diberikan adalah dalam bentuk pembayaran balik pinjaman PTPK dan sekiranya ada lebih, akan diberikan (*refund*) kepada peminjam sekiranya nilai insentif adalah melebihi kadar pinjaman yang diambil.
- vii. Sekiranya peminjam mempunyai lebih daripada 1 akaun pinjaman dan sekiranya ada lebih insentif, maka lebih insentif tersebut boleh dilaraskan ke akaun berikutnya.
- viii. Pemberian insentif adalah untuk membayar balik baki pinjaman peminjam.

#### 4. TATACARA PELAKSANAAN

- 4.1 Pelatih/peminjam perlu mengemukakan borang permohonan (seperti **Lampiran 1**) kepada PTPK dengan menyertakan dokumen-dokumen seperti yang berikut:
  - 4.1.1 Sesalinan sijil pencapaian yang menyatakan peringkat kemenangan pelatih/ peminjam sama ada yang dikeluarkan oleh hos atau JPK; dan
  - 4.1.2 Akaun peminjam yang lengkap diisi bersama borang permohonan.
- 4.2 Pelatih/ peminjam hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen permohonan yang lengkap kepada urusetia **tidak lewat** dari dua (2) bulan sebelum berakhir tahun permohonan.
- 4.3 Pelatih/ peminjam hendaklah mengemukakan permohonan yang telah lengkap kepada Bahagian Kawalan Kredit, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Aras 17, Menara Dato' Onn, World Trade Centre (WTC), 50480 Kuala Lumpur.

4.4 Dokumen permohonan yang lengkap sahaja akan diproses dan diluluskan oleh PTPK serta tertakluk kepada peraturan dan kelulusan yang sedang berkuatkuasa.

## **5. PROSES KERJA DAN CARTA ALIR**

5.1 Proses kerja dan carta alir bagi **permohonan pemberian insentif ini** seperti di **Lampiran 2 dan 3**.

## **6. TARIKH KUATKUASA**

6.1 Tarikh kuatkuasa pemberian insentif ini adalah bermula 14 Disember 2023.

### **Senarai Lampiran:**

1. Borang Permohonan
2. Proses Kerja
3. Carta Alir

*Disediakan oleh:*

*Bahagian Bayaran Kawalan Kredit  
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
Disember 2023*



**BORANG PERMOHONAN PEMBERIAN INSENTIF WORLD SKILLS COMPETITION (WSC)/ASEAN SKILLS COMPETITION (ASC) DI BAWAH SKIM PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

BAHAGIAN 1 – MAKLUMAT PELATIH												
Nama												
No. K.P. Baru												
No Akaun Pinjaman												
Alamat Surat-Menyurat												
Poskod							Bandar					
Negeri												
Alamat Tetap <i>*Jika berbeza dengan di atas.</i>												
Poskod							Bandar					
Negeri												
Alamat E-mel												
No. Telefon (Bimbit)												
Penyedia Latihan												
Pencapaian WSC/ASC **												
BAHAGIAN 2 – AKUAN PELATIH												
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah mencapai <b>Emas/Perak/Gangsa/Medallion for Excellent (potong yang tidak berkenaan)</b> seperti yang dinyatakan di atas. Segala maklumat yang saya kemukakan adalah benar dan saya adalah tidak tertakluk kepada mana-mana perkara yang boleh membatalkan permohonan pemberian insentif ini.</p> <p>Saya juga maklum bahawa saya boleh didakwa dan pemberian insentif ini boleh ditarik balik sekiranya didapati saya memalsukan sebarang maklumat yang berkaitan dengan pencapaian dan permohonan saya ini. Bersama-sama ini juga dilampirkan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan untuk semakan dan pertimbangan pihak tuan sewajarnya.</p>												
Tandatangan												
Nama Penuh												
Tarikh												

(\*\*) Bersama-sama ini dikemukakan dokumen sokongan seperti yang berikut :

- Salinan Sijil Pencapaian yang dikeluarkan oleh hos atau JPK yang telah disahkan oleh Kumpulan Pengurusan dan Profesional

**UNTUK KEGUNAAN PTPK SAHAJA :**

**1. Peringkat World Skills Competition (WSC)**

<b>Bil</b>	<b>Pingat</b>	<b>Insentif</b>	<b>Catatan</b>
1	Emas	RM20,000.00	
2	Perak	RM15,000.00	
3	Gangsa	RM7,000.00	
4	Medallion for Excellent	RM1,000.00	

**2. Peringkat ASEAN Skills Competition (ASC)**

<b>Bil</b>	<b>Pingat</b>	<b>Insentif</b>	<b>Catatan</b>
1	Emas	RM5,000.00	
2	Perak	RM3,000.00	
3	Gangsa	RM2,000.00	
4	Medallion for Excellent	RM500.00	

## PROSES KERJA

**Aktiviti :** Meluluskan Permohonan Pemberian Insentif World Skills Competition (WSC)/ASEAN Skills Competition (ASC)

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN YANG ADA HUBUNGAN/ DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	PT (P/O)	Menerima permohonan pemberian insentif WSC/ASC	PK/P/PPK	Tatacara Pengurusan Pelaksanaan Pemberian Insentif Kepada Peminjam PTPK Yang Menerima Pingat Dalam Pertandingan Kemahiran Peringkat Asia Tenggara / Antarabangsa
2.	PPT	Semakan permohonan pemberian insentif WSC/ASC	PK/P/PPK	
3.	PPT	Menyediakan Kertas Pertimbangan untuk kelulusan Ketua Eksekutif bagi pemberian insentif kepada pelatih/peminjam.	PK/P/PPK	
4.	PPT	Memaklumkan (memo) kepada Bahagian Kewangan bagi pelarasan insentif kepada pelatih/peminjam	PK/P/PPK	
5.	PT (P/O)	Surat makluman / tutup lejar kepada pelatih/peminjam dan penjamin (jika berkaitan)	PK/P/PPK	



CARTA ALIR

Aktiviti : Meluluskan Permohonan Pemberian Insentif WSC/ASC

